



Indahnya Maliau Basin

(A) Isi tempat kosong dengan kata majmuk klasan yang paling tepat.

atas angin




halwa telinga

tanda mata

jatuh hati

langkah kanan

alas perut



Pada cuti sekolah yang lalu, Steven sekeluarga telah berkunjung ke Maliau Basin. Maliau Basin ialah kawasan hutan simpan di negeri Sabah yang kaya dengan khazanah alam semula jadi yang sangat cantik.

Semasa di sana, Steven telah (1) _____ pada keindahan alam semula jadi di kawasan itu. Terdapat pelbagai flora dan fauna yang masih kekal terpelihara di kawasan itu. Kicauan unggas menjadi (2) _____ yang menghiburkan mereka sekeluarga. Tidak hairanlah banyak pelancong dari negara (3) _____ menjadikan Maliau Basin sebagai destinasi pelancongan mereka.

Semasa dalam ekspedisi itu, Steven sekeluarga berehat dan makan beberapa keping roti sebagai (4) _____. Mereka makan sambil menikmati keindahan alam semula jadi.

Mereka (5) _____ kerana telah menjumpai bunga Rafflesia yang sangat besar dan cantik. Mereka sempat mengambil beberapa keping gambar sebagai kenangan.

Setelah selesai aktiviti ekspedisi, mereka membeli (6) _____ di kedai cenderahati. Steven sempat membeli beberapa rantai kunci untuk rakan sekelasnya.